# TEKS UCAPAN REKTOR SEMPENA

# MAJLIS JASAMU DIKENANG SEMPENA PERSARAAN STAF KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)

TEMPAT:

MEDAN IKAN BAKAR, JETI PARAMESWARA

UMBAI, MELAKA.

TARIKH :

14 APRIL 2006

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**TEKS UCAPAN REKTOR UNTUK MAJLIS JASAMU DIKENANG SEMPENA PERSARAAN STAF KUTKM PADA 14 APRIL 2006, JAM 8.30 MALAM BERTEMPAT DI MEDAN IKAN BAKAR, JETI PARAMESWARA, UMBAI, MELAKA.**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH

TIMB. REKTOR (AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH,

TIMB. REKTOR (PENYELIDIKAN & PENGKOMERSILAN / INOVASI)

YANG DIHORMATI EN HASAN BIN SIRUN

PENDAFTAR

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

***ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH***

PERTAMANYA MARILAH KITA MELAFAZKAN RASA KESYUKURAN KE HADRAT ILLAHI DI ATAS LIMPAH DAN KURNIANYA YANG MEMBOLEHKAN KITA BERSAMA PADA MALAM INI. MAJLIS KERAIAN YANG DIADAKAN INI BERTUJUAN UNTUK MENGHARGAI JASA DAN SUMBANGAN YANG TELAH DICURAHKAN OLEH YANG BERBAHAGIA PROFESOR ABDUL HAMID BIN HAMIDON DAN PROFESOR MADYA MD

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

NOAH BIN JAMAL KEPADA UNIVERSITI INI DENGAN JAYANYA.

KUTKM AMAT BERTUAH KERANA MENDAPAT KHIDMAT PROFESOR ABDUL HAMID BIN HAMIDON DAN PROFESOR MADYA MD NOAH BIN JAMAL YANG MERUPAKAN ANTARA INDIVIDU-INDIVIDU PENGGERAK DALAM SEJARAH PENUBUHAN KUTKM.

BERDASARKAN KEPADA PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN YANG LUAS DALAM BIDANG MASING-MASING, KEDUA-DUA AHLI AKADEMIK INI TELAH BERSAMA-SAMA MENEMPUH SEGALA SUSAH PAYAH UNTUK MEMBANGUNKAN UNIVERSITI. MEREKA MEMULAKANNYA DARI SIFAR DAN SETERUSNYA SAMA-SAMA MENYUMBANG PENDAPAT DAN PANDANGAN YANG BERKUALITI BAGI MEMBOLEHKAN KITA MELAHIRKAN GRADUAN-GRADUAN YANG MEMENUHI KEHENDAK NEGARA.

DI PERINGKAT AWAL PENUBUHAN KUTKM, KEDUA-DUA MEREKA TELAH TERLIBAT SECARA LANGSUNG DALAM MERANGKA PENYEDIAAN VISI, MISI DAN OBJEKTIF UNIVERSITI. INPUT-INPUT INI TELAH MENJADI PANDUAN DAN HALA TUJU UNIVERSITI UNTUK MENCAPAI MATLAMAT PENUBUHANNYA. DENGAN PENDEKATAN TERANCANG DAN HALA TUJU YANG TELAH DIBUAT INI TELAH MEMBOLEHKAN UNIVERSITI MENJADI PENGGERAK KEPADA PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN NEGARA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

IZINKAN SAYA MEMBACAKAN SERBA SEDIKIT LATAR BELAKANG PENDIDIKAN DAN KERJAYA TETAMU-TETAMU YANG DIRAIKAN PADA MALAM INI.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

YANG BERBAHAGIA PROFESOR ABDUL HAMID BIN HAMIDON MENDAPAT IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRIK DARI MONASH UNIVERSITY, AUSTRALIA PADA TAHUN 1973 DAN SETERUSNYA MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SAINS (ELEKTRONIK) DARI UWIST CARDIFF, UNITED KINGDOM PADA TAHUN 1976.

BELIAU MEMULAKAN KERJAYA SEBAGAI AHLI AKADEMIK DI UTM SEBAGAI PENOLONG PENSYARAH "A" DI JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK PADA 19 MAC 1973. SELEPAS ITU BELIAU DIBERI KEPERCAYAAN DAN DINAIKKAN PANGKAT KE PENSYARAH PADA 25 MEI 1976. DI ATAS USAHA GIGIH BELIAU DAN SUMBANGAN YANG BESAR KEPADA DALAM BIDANG AKADEMIK BELIAU TELAH DILANTIK SEBAGAI PROFESOR MADYA PADA 1 SEPTEMBER 1982.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

SEJARAH PERKHIDMATAN PROFESOR HAMID DI UNIVERSITI INI BERMULA APABILA BELIAU DIPINJAMKAN DARI UTM KE KUTKM PADA 1 FEBRUARI 2001. BELIAU SETERUSNYA DILANTIK SEBAGAI DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK & KEJURUTERAAN KOMPUTER YANG PERTAMA MULAI 1 JUN 2001.

PADA 2 MAC 2002 BELIAU TELAH MENDAPAT PELEPASAN DENGAN IZIN UNTUK MELETAK JAWATAN DI UTM DAN MENUMPUKAN PERHATIAN SEPENUHNYA BERKHIDMAT DI KUTKM. SERENTAK DENGAN ITU PROFESOR HAMID TELAH DILANTIK SELAKU PROFESOR DI UNIVERSITI INI KERANA KEPAKARAN DAN KECEMERLANGAN BELIAU TERHADAP PEMBANGUNAN AKADEMIK.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

DALAM TEMPOH KIRA-KIRA 33 TAHUN PERKHIDMATAN, PROFESOR ABDUL HAMID TELAH MENJAWAT PELBAGAI JAWATAN KHUSUSNYA BERKAITAN KERJAYA AKADEMIK BERMULA SEBAGAI PENOLONG PENSYARAH, PENSYARAH, KETUA JABATAN, TIMBALAN DEKAN, PENGARAH UNIT PERKHIDMATAN & SOKONGAN PELAJAR, DEKAN DAN PROFESOR.

DI BAWAH PENTADBIRAN BELIAU SELAKU DEKAN, FKEKK TELAH MULA MEMBUAT PENGAMBILAN PELAJAR SULUNGNYA PADA MEI 2001/2002 DENGAN MENAWARKAN KURSUS PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (ELEKTRONIK INDUSTRI) IAITU SERAMAI 119 ORANG. IA KEMUDIAN DIIKUTI DENGAN PENGAMBILAN 69 ORANG PELAJAR DIPLOMA PADA SESI 1 2002/2003.

KINI BELIAU BOLEH BERBANGGA DENGAN PENAWARAN DUA LAGI KURSUS IAITU IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (ELEKTRONIK TELEKOMUNIKASI) DAN IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (ELEKTRONIK INDUSTRI)

PADA MAJLIS KONVOKESYEN PERTAMA PADA 30 JULAI 2005, GRADUAN PERTAMA FKEKK MENYAKSIKAN SERAMAI 67 PELAJAR TELAH DIANUGERAHKAN DENGAN IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (ELEKTRONIK INDUSTRI) DENGAN KEPUJIAN DAN 48 ORANG TELAH DIANUGERAHKAN DENGAN DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK. KINI FKEKK MEMPUNYAI 951 ORANG PELAJAR IAITU 804 PELAJAR KURSUS IJAZAH DAN 147 PELAJAR KURSUS DIPLOMA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

YANG BERBAHAGIA PROFESOR MADYA MD NOAH BIN JAMAL MEMPEROLEHI DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK (KUASA) DARI INSTITUT TEKNOLOGI KEBANGSAAN MALAYSIA PADA TAHUN 1973. SETERUSNYA BELIAU MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KEJURUTERAAN ELEKTRIK DARI LOUISIANA STATE UNIVERSITY, USA PADA TAHUN 1977. PROFESOR MADYA MD NOAH MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA DALAM BIDANG KEJURUTERAAN ELEKTRIK DI OHIO STATE UNIVERSITY, USA PADA TAHUN 1981.

BELIAU MEMULAKAN KERJAYA DI LEMBAGA LETRIK NEGARA SEBAGAI KADET TEKNIK PADA 1 APRIL 1973. BELIAU KEMUDIANNYA DIPINJAMKAN KE UTM DENGAN DILANTIK SEBAGAI PENOLONG PENSYARAH "B" DI UTM PADA TAHUN 1 JUN 1974. BELIAU KEMUDIANNYA TELAH DINAIKKAN PANGKAT KE JAWATAN PENSYARAH PADA 20 OGOS 1981.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

PADA 01 MEI 2001, BELIAU TELAH DIBERI PELEPASAN DENGAN IZIN OLEH UTM UNTUK BERKHIDMAT DENGAN KUTKM SEBAGAI PROFESOR MADYA. SETERUSNYA BELIAU TELAH DILANTIK SEBAGAI DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK YANG PERTAMA DI KUTKM PADA 1 JUN 2001.

PADA 4 SEPTEMBER 2002 BELIAU TELAH DILANTIK SEBAGAI KETUA PEMBANGUNAN & PENGURUSAN ASET DI KUTKM. BELIAU ADALAH INDIVIDU YANG SANGAT PENTING DALAM MERANGKA PEMBANGUNAN KAMPUS TETAP DI DURIAN TUNGGAL DI SAMPING MEMASTIKAN KEPERLUAN UNIVERSITI DARI SEGI LOGISTIK DAN PENEMPATAN SEMASA DI KAMPUS SEMENTARA, TAMAN TASIK AYER KEROH.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

DALAM TEMPOH KIRA-KIRA 32 TAHUN PERKHIDMATAN, PROFESOR MADYA MD NOAH TELAH MENJAWAT PELBAGAI JAWATAN BERMULA SEBAGAI PENOLONG PENSYARAH, PENSYARAH, KETUA MAKMAL, KETUA JABATAN, DEKAN DAN KETUA PEMBANGUNAN & PENGURUSAN ASET.

BERDASARKAN PENILAIAN MUTU HASIL KERJA CEMERLANG YANG TELAH DITUNJUKKAN SERTA KOMITMEN YANG DIBERIKAN UNTUK MELAKSANAKAN SETIAP TANGGUNGJAWAB DENGAN SEMPURNA MAKA PROFESOR MADYA MD NOAH TELAH DIANUGERAHKAN PERKHIDMATAN CEMERLANG OLEH UNIVERSITI PADA TAHUN 2002.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI DAN SELURUH WARGA UNIVERSITI MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA YANG BERBAHAGIA PROFESOR ABDUL HAMID BIN HAMIDON DAN PROFESOR MADYA MD NOAH BIN JAMAL, DI ATAS JASA YANG TELAH MEREKA SUMBANGKAN KEPADA KUTKM.

SEMOGA ALLAH MEMBERKATI USAHA MEREKA DAN MARILAH SAMA-SAMA KITA BERDOA AGAR KEDUA-DUANYA DIBERI KESIHATAN YANG BAIK UNTUK TERUS MENYUMBANG LAGI KEPAKARAN KEPADA UNIVERSITI INI. UNTUK MAKLUMAN BERSAMA KEDUA-DUA PEGAWAI BERKENAAN TELAH BERSETUJU UNTUK MENYAMBUNG PERKHIDMATAN MEREKA SEBAGAI PEGAWAI KONTRAK DI KUTKM.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI

KERJASAMA ERAT SEMUA PIHAK DALAM MEMBANGUNKAN KUTKM SANGAT PENTING BAGI

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MEMASTIKAN PERANCANGAN UNIVERSITI MENCAPAI SASARANNYA. KOMITMEN DALAM MELAKSANAKAN TUGAS YANG DIAMANAHKAN PERLU DILAKUKAN DENGAN IKHLAS DAN JUJUR. SEMOGA KITA DAPAT BEKERJA DEMI AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

SEKIAN, ***WABILLAHI TAUFIQ WAL HIDAYAH WASALAMUALAIKUM WARAH MATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.***

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka